



## JABATAN KASTAM DIRAJA MALAYSIA

Ibu Pejabat Kastam Diraja Malaysia  
Bahagian Perkastaman  
Aras 4 Utara  
Kompleks Kementerian Kewangan  
No. 3, Persiaran Perdana, Presint 2  
62596 PUTRAJAYA  
MALAYSIA



Telefon : +603 8882 2384  
Faksimili : +603 8889 5866  
Laman Web : [www.customs.gov.my](http://www.customs.gov.my)

Rujukan Kami : KE.HE(44)187/10-2 klt.4 ( 54 )  
Tarikh : 14 Safar 1442H  
02 Oktober 2020

Pengarah Eksekutif  
Dagang Net Technologies Sdn Bhd  
Dagang Net Tower, Block 10 (A&B) Corporate Park  
Star Central, Lingkaran Cyberpoint Timur, Cyber 12  
63000 Cyberjaya  
Selangor

(u.p.: Tn. Abdul Khalil Bin Abdullah)

Tuan,

### **PELAKSANAAN PERINTAH PIHAK BERKUASA KEMAJUAN PEKEBUN KECIL PERUSAHAAN GETAH (SES) 2020 KE ATAS PENGEKSPORTAN GETAH DI BAWAH TARIF KOD 40.01, 40.02, 40.05 DAN 40.06**

Dengan segala hormatnya saya diarah merujuk kepada perkara di atas.

2. Dimaklumkan bahawa Pihak Berkuasa Kemajuan Pekebun Kecil Perusahaan Getah (RISDA) di bawah Kementerian Pembangunan Luar Bandar telahewartakan Perintah Pihak Berkuasa Kemajuan Pekebun Kecil Perusahaan Getah (Ses) 2020 seperti di dalam warta P.U. (A) 232 yang berkuatkuasa pada **1 Oktober 2020** (Sila rujuk **Lampiran A**).

3. Bagi pelaksanaan perintah tersebut, kadar ses untuk pengeksporan getah di bawah tarif kod 40.01, 40.02, 40.05 dan 40.06 adalah ditetapkan sebanyak **10 sen per kilogram**. Kadar baru ini telah dikemaskinikan di dalam Sistem Maklumat Kastam (SMK). Oleh itu, pihak kami memohon agar pihak tuan dapat membuat pemakluman kepada pengguna sistem berhubung dengan perubahan tersebut.


4. Pihak pengeksport dan industri yang mempunyai sebarang pertanyaan dan kemusykilan berkaitan perkara ini perlu merujuk terus kepada **Unit Ses, Bahagian Produktiviti & Pemasaran, RISDA** di talian **03-4256 4022**.

5. Sehubungan itu, kerjasama pihak tuan terhadap perkara ini amatlah dihargai.

Sekian, terima kasih.

**“BERKHIDMAT UNTUK NEGARA”**

Saya yang menjalankan amanah,



**(MOHAMAD AZHAR BIN AHMAD PAHARAZI)**

Bahagian Perkastaman

b.p.: Ketua Pengarah Kastam

**MALAYSIA**

s.k.

Ketua Pengarah Kastam Malaysia

Timbalan Ketua Pengarah Kastam  
(Perkastaman & Cukai Dalam Negeri)

Pengarah  
Bahagian Perkastaman